

Cuaca, angin tidak menentu punca pendaratan ikan kurang di Port Dickson

UM 02/06/23 m/s 31

Oleh BADRUL HAFIZAN MAT ISA
utusannews@mediamulia.com.my


POR T DICKSON: Keadaan cuaca dan angin yang tidak menentu dilihat menjadi punca kurangnya pendaratan ikan oleh nelayan pantai di Port Dickson ketika ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan, Abu Bakar Dawam berkata, pendaratan ikan seperti jenis tenggiri dan parang juga semakin berkurangan sehingga tidak dapat memenuhi permintaan pengguna tembusuk di daerah ini.

"Memang sekarang kurang ikan, nelayan sekarang ini kalau menjaring di tepi pun memang sudah kurang ikan, mahu dapat satu kilogram juga susah."

"Pada pengalaman saya, setiap tahun iaitu pada April merupakan musim timur, air laut jernih dan sejuk, memang kurang ikan setiap tahun pun begitu."

"Memasuki bulan Mei biasanya apabila masuk air dari selatan keadaan akan kembali pulih namun sehingga kini ia tidak berlaku. Air sudah masuk



CHAN Kam Meng menunjukkan keadaan Jeti Kampung Kuala Lukut Kecil, Port Dickson yang sunyi tanpa kehadiran nelayan ekoran ikan yang dikatakan semakin berkurangan di sepanjang kawasan tangkapan di perairan Port Dickson. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

namun cuaca dan angin sekarang tidak menentu. Sekarang ini, ikan parang, tenggiri, kerapu, ikan merah dan jenahak memang kurang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Baru-baru ini, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Ma-

laysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, Sabah akan membantu membekalkan ikan di Negeri Sembilan dan Melaka yang sedang mengalami kekurangan sumber protein itu apabila hanya mendaratkan makanan itu kurang daripada

5,000 tan metrik setiap bulan.

Dalam pada itu, Abu Bakar menjelaskan, jumlah hasil tangkapan nelayan di Negeri Sembilan iaitu di Port Dickson tidak mampu untuk memenuhi pasar seluruh negeri ini.

Sementara itu, seorang lagi

nelayan di Jeti Kampung Kuala Lukut Kecil, Chan Kam Meng, 55, berkata, situasi kurangnya hasil tangkapan mula dirasai sejak penghujung tahun lalu dan berlarutan sehingga tahun ini.

Jelasnya, keadaan tersebut menyebabkan jumlah nelayan yang turun ke laut kini juga semakin berkurangan.

"Sekarang nelayan pun tidak mahu turun, kalau ada yang turun pun hanya dua, tiga bot untuk mencuba nasib."

"Tahun ini paling teruk, memang ikan tiada, saya pun tidak pasti mengapa. Saya rasa kerana cuaca, sudah tidak serupa seperti dahulu, sebelum ini nelayan sudah boleh buat pengiraan dan menjangka kehadiran jenis-jenis angin, tetapi sekarang sudah tidak tentu."

"Sebelum ini nelayan boleh masuk ke jeti selepas ke laut sekitar pukul 11 malam, air tinggi, tetapi sekarang ini, air langsung tiada dekat jeti menyebabkan bot tidak dapat dibawa masuk. Memang sudah tidak menentu, ini juga menyebabkan pendapatan nelayan terjejas," katanya.